


PELAN



INDUK



PEMBANGUNAN



PENDIDIKAN

2006-2010



■ KERAJAAN menjadikan PIPP sebagai garis panduan supaya semua dasar program dan aktiviti dapat dilaksanakan dengan cemerlang.

“ Kita kini memulakan langkah selanjutnya, langkah fasa kedua ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020. Kita mahu negara menjadi negara dengan ciri-ciri tersendiri. Kita mahu kemajuan yang bersifat holistik merangkumi kesemua sembilan cabaran yang terkandung dalam Wawasan 2020 ”

– Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010

MODAL insan berminda kelas pertama merupakan salah satu kunci utama untuk membolehkan negara mencapai Wawasan 2020 yang telah digagaskan.

Mereka lah yang akan meningkatkan tahap produktiviti dan daya saing negara dalam mendepani cabaran dan tekanan besar persaingan abad ke-21.

Agenda membina dan memupuk modal insan yang menjadi benih generasi masa depan ini amat bergantung kepada kualiti sistem pendidikan negara.

Justeru Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 telah dirangka untuk melaksana dan merealisasikan satu sistem pendidikan yang holistik, progresif, bermoral dan bertaraf dunia.

PIPP akan menjadi garis panduan yang jelas kepada semua pihak supaya segala dasar, program dan aktiviti pendidikan yang dirancang dapat dilaksanakan dengan cemerlang.

PIPP juga akan memperkembangkan pelaksanaan serta memantapkan lagi proses pembinaan modal insan secara menyeluruh dan berterusan supaya output yang dihasilkan berupaya memenuhi kehendak tempatan dan antarabangsa.

Seorang kanak-kanak yang memasuki Tahun Satu pada 2005 akan melalui sistem pendidikan kebangsaan selama 11 tahun, setahun di matriculasi, empat tahun di institusi pengajian tinggi, dan akhirnya akan keluar ke alam pekerjaan pada tahun 2020.

Kelompok itulah yang akan menjadi tenaga kerja, warga negara dan pemimpin pelapis pada masa itu. PIPP akan memastikan negara berjaya menghasilkan modal insan ini mengikut acuan yang terbaik.

Semua itu digariskan dalam PIPP melalui enam teras strategik iaitu Membina Negara Bangsa, Membangunkan Modal Insan, Memperkasakan Sekolah Kebangsaan, Merapatkan Jurang Pendidikan, Memartabatkan Profesion Perguruan, dan Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan.



■ PELAJAR hari ini adalah pemimpin masa hadapan yang harus diacu menjadi yang terbaik.

Wawasan 2020

Harapan dan Aspirasi

MENJELANG tahun 2020, Malaysia berhasrat menjadi sebuah negara maju mengikut acumannya sendiri iaitu mencapai keseimbangan dalam aspek ekonomi, politik, sosial, kerohanian dan kebudayaan.

Kini, negara berada pada peringkat pertengahan dan memasuki fasa 15 tahun yang kedua dalam pencapaian Wawasan 2020.

Sepanjang fasa 15 tahun pertama, Malaysia mencapai banyak kemajuan dari pelbagai bidang namun perubahan pesat dunia hari ini memerlukan Malaysia berubah untuk mencapai tahap yang lebih maju.

Perubahan tersebut menegenahkan bidang pendidikan yang masih perlu penambahbaikan dan perhatian khusus bagi membolehkan Malaysia melakukan lonjakan terakhir untuk menjadi negara maju seperti yang diharapkan dalam Wawasan 2020.

Bagi menjadi negara maju yang teguh bersatu, kerajaan memperkenalkan rangka kerja pelaksanaan baru iaitu Misi Nasional bagi mencapai wawasan dan matlamat negara untuk tempoh 15 tahun akan datang.

Misi Nasional ini mengambil kira pengalaman lalu negara, sistem nilai, budaya dan Islam Hadhari yang diperkenalkan pada tahun 2004 dengan penekanan dalam penguasaan ilmu pengetahuan dan pembangunan potensi individu bagi menyediakan sumber tenaga manusia yang seimbang.

Usaha membangunkan modal insan perlu dibuat secara holistik melalui penguasaan ilmu pengetahuan, modal intelektual termasuk ilmu sains teknologi dan keusahawanan, pembudayaan sikap progresif serta pengamalan nilai,

etika dan moral yang tinggi seperti yang ditekankan dalam Pelan Integriti Nasional (PIN).

Bagi mencapai prestasi yang tinggi dan impak maksimum daripada pembangunan nasional, Misi Nasional menggariskan lima teras utama.

Teras 1 meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai lebih tinggi, Teras 2 meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk 'minda kelas pertama', Teras 3 menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif.

Teras 4 menekankan peningkatan tahap dan kemampanan kualiti hidup dan Teras 5 mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan.

Peranan pendidikan ditekankan dengan lebih jelas pada teras kedua dan ketiga Misi Nasional ini.

Teras Kedua menekankan peningkatan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama manakala teras ketiga ialah menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif.

Kandungan Teras Kedua ialah melaksanakan penambahbaikan secara komprehensif ke atas sistem penyampaian pendidikan dan latihan serta memperkasakan sekolah kebangsaan untuk menjadi sekolah pilihan utama rakyat negara ini dan merapatkan jurang prestasi antara sekolah luar bandar dengan sekolah di bandar.

Selain itu, teras ini menekankan kepada penyediaan lebih banyak peluang dan akses kepada pendidikan berkualiti, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat di semua peringkat dan membina



■ **PENAMBAHAN** akses terhadap keperluan asas pendidikan perlu untuk menangani ketidakseimbangan sosioekonomi.

masyarakat yang inovatif dengan keupayaan Sains dan Teknologi yang kukuh.

Ia juga menekankan pengukuhan paduan nasional dan membangunkan masyarakat yang mempunyai perspektif progresif sistem nilai yang boleh diteladani dan memperluaskan forum perbincangan antara kerajaan, sektor swasta, ibu bapa serta masyarakat dalam pembangunan modal insan.

Teras Ketiga pula menekankan kepada peningkatan pendapatan bagi kumpulan isi rumah 40 peratus terendah dengan meningkatkan produktiviti menerusi pembangunan modal insan.

Teras ini juga mengandungi usaha mengurangkan jurang antara penduduk luar bandar dengan bandar, antara negeri dan antara wilayah melalui pen-

janaan pendapatan yang mampan dan penambahbaikan akses terhadap keperluan asas serta pendidikan.

Teras ini juga menekankan kepada pencapaian merapatkan jurang digital antara sekolah bandar dengan luar bandar dan meluaskan akses kepada program pendidikan serta latihan bagi meningkatkan bilangan pengurus termasuk profesional bumiputera terutama dalam sektor swasta.

Teras strategik yang terkandung dalam Misi Nasional jelas menunjukkan pendidikan sebagai elemen utama untuk mencapai keseimbangan dalam kemajuan negara dan bagi merealisasikan hasrat itu, Kementerian Pelajaran bertanggungjawab memikul tugas tersebut yang menjadi agenda baru negara.



■ **USAHA** membangunkan modal insan perlu dibuat secara holistik termasuk perkasaan ilmu sains dan teknologi.

TERAS MISI NASIONAL

Teras 1	Meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai lebih tinggi
Teras 2	Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk 'minda kelas pertama'
Teras 3	Menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif
Teras 4	Meningkatkan tahap dan kemampanan kualiti hidup
Teras 5	Mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan



PROGRAM bimbingan dan kaunseling diperkukuhkan demi pembangunan intelektual dan spiritual pelajar.

PIPP

merealisasikan misi nasional

DALAM merealisasikan Misi Nasional, Kementerian Pelajaran menyediakan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang menyeluruh menggariskan fokus, strategik utama dan pelan pelaksanaan bagi menjadikan pendidikan negara relevan mengikut keperluan semasa dan akan datang.

Pembangunan sistem pendidikan kebangsaan berlandaskan teras utama iaitu akses kepada pendidikan, ekuiti dalam pendidikan, kualiti dalam pendidikan dan kecekapan serta keberkesanan pengurusan pendidikan.

Berdasarkan teras utama itu, kementerian merancang dan melaksanakan dasar-dasar pembangunan pendidikan bagi mencapai matlamat yang dikenalpasti.

'Antaranya ialah mengembangkan po-

tensi individu secara menyeluruh bagi melahirkan insan yang seimbang daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI), meningkatkan kreativiti dan inovasi serta budaya ilmu dan membudayakan sains dan teknologi serta pembelajaran sepanjang hayat.

ia termasuk menyediakan sistem pendidikan yang lebih cekap, berkesan dan bertaraf dunia; menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dan meningkatkan martabat pendidikan negara di peringkat antarabangsa.

Pendidikan negara mengalami evolusi sejajar dengan pembangunan dan kemampuan negara, ia melalui lima fasa iaitu zaman Pra Merdeka (sebelum 1957), zaman Pasca Merdeka (1957-1970), zaman Dasar Ekonomi Baru (1971-1990), zaman Dasar Pembangunan Negara (1991-2000) dan zaman Dasar Wawasan Negara pada tahun 2001 hingga 2010.

Pada zaman Dasar Wawasan Negara, negara menghadapi cabaran baru kesan daripada globalisasi, liberalisasi dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) selain cabaran membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan atau k-Ekonomi.

Untuk itu, kementerian menyediakan program pembangunan pendidikan yang dapat melahirkan warganegara berilmu pengetahuan, celik ICT, berkemahiran dan berakhlak mulia.

Kementerian turut meneliti semula program dan projek yang dirancang bagi pembaharuan, pengukuhan, penyusunan semula dan penggubalan baru seperti terkandung

dalam dokumen Pembangunan Pendidikan bagi 2001-2010.

Penambahbaikan dan memantapkan sistem pendidikan diperlihatkan dalam perundangan, dasar dan program utama. Antaranya ialah Akta Pendidikan 1996 (pindaan 2002) yang memperuntukkan pendidikan wajib bagi pendidikan rendah yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun satu pada 1 Januari 2003.

Program bimbingan dan kaunseling dikukuhkan dengan memperuntukkan seorang kaunselor bagi setiap 500 pelajar mulai tahun 2003 seperti yang diputuskan oleh Jemaah Menteri pada tahun 2002.

Pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dilaksanakan pada tahun 2003, bayaran insentif subjek pendidikan (BISP) diperkenalkan pada 2003 termasuk Sekolah Pusat, Sekolah Wawasan dan Sekolah Model Khas ditubuhkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

Pemberian bantuan *one-off* kepada murid sekolah rendah daripada keluarga miskin pada tahun 2002-2003 bagi pelaksana pendidikan wajib, bantuan ini kemudiannya diganti Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin.

Skim Baucar Tuisyen (SBT) memberi bantuan tuisyen kepada murid sekolah rendah tahun 4 hingga 6 yang miskin dan pencapaian rendah dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Sains dan Matematik mulai 2004.

Anugerah pengetua JUSAC dan guru gred khas C diperkenalkan pada 2005 bagi meningkatkan peluang kenaikan pangkat kepada guru di sekolah.

Matapelajaran Vokasional diperkenalkan di sekolah menengah harian pada tahun 2004 (berdasarkan program sekolah ke kerjaya di bawah pembiayaan Bank Dunia 1998-2003).

SPBT diperluas di kalangan anak pegawai perkhidmatan pendidikan mulai 2006, program pemulihan dimantapkan dengan peruntukkan guru pemulihan, program j-QAF diperkenalkan pada 2005 dan diperluaskan pada 2006 bagi memastikan murid Islam menguasai Jawi, Al-Quran, bahasa Arab dan fardu Ain apabila tamat sekolah rendah.

Sekolah agama rakyat dan sekolah agama negeri didaftarkan sebagai sekolah agama bantuan kerajaan bermula 2005 manakala aktiviti kokurikulum diperbaiki dengan penambahan peruntukkan per kapita pelajar daripada RM2.50 kepada RM10 untuk sekolah rendah dan RM12 bagi sekolah menengah mulai 2006.

Program siswazah guru diperkenalkan bagi memenuhi dasar menyediakan 50 peratus guru sekolah rendah dan 100 peratus guru sekolah menengah siswazah terlatih menjelang tahun 2010 dengan kelonggaran guru mengikuti program ijazah melalui pelbagai kaedah termasuk pendidikan jarak jauh.

Menaiktaraf maktab perguruan kepada Institut Pendidikan Guru (IPG) yang boleh menganugerah ijazah mulai 2006 serta perubahan Dasar Sekolah Antarabangsa ke arah menjadikan sekolah antarabangsa di Malaysia berdaya saing di rantau Asia.

Kerjasama kementerian dengan Kementerian Pengajian Tinggi dalam aspek latihan dan keluaran guru serta menambah baik norma perjawatan daripada 1.5 kepada 1.7 bilangan kelas.



Perubahan paling signifikan dalam sejarah pendidikan negara ialah penubuhan Kementerian Pengajian Tinggi yang membolehkan kementerian menumpukan kepada pembangunan pendidikan prasekolah, sekolah rendah, menengah, matrikulasi dan pendidikan guru.



PELBAGAI program dijalankan untuk melahirkan warganegara yang celik ICT.

Pencapaian

dalam mengatasi jurang pendidikan



PEMBANGUNAN pendidikan bermula zaman Dasar Pembangunan Negara hingga zaman Dasar Wawasan Negara berjaya mencapai banyak kemajuan khususnya dalam menyediakan infrastruktur, kemudahan pendidikan dan latihan perguruan.


Strategi meningkatkan peluang pendidikan berjaya mencapai sasaran namun pada masa yang sama, Kementerian sentiasa peka dan prihatin terhadap perubahan yang berlaku bagi meningkatkan kualiti pendidikan dan menghasilkan modal insan mengikut acuan sendiri.

Kementerian turut meningkatkan akses dan ekuiti dalam sistem pendidikan yang ditunjukkan melalui kadar penyertaan iaitu 96 peratus untuk sekolah rendah, 84.4 peratus sekolah menengah rendah manakala sekolah menengah atas 71.1 peratus pada tahun 2005.

Dari segi pencapaian akademik, para pelajar menunjukkan pencapaian cemerlang melalui kajian antarabangsa, *Trends in International Mathematics and Science Study* berkaitan Sains dan Matematik. Melalui kajian yang sama tahun 1999, Malaysia menduduki tempat ke-16 tetapi kajian terbaru mendapati Malaysia mencapai tempat ke-10, sekali gus mendahului 40 negara maju lain seperti United Kingdom, Amerika, Australia dan New Zealand.

Selain itu, Kementerian terus berusaha menyediakan pendidikan khas kepada golongan kurang upaya (OKU) dan sehingga tahun lalu, Kementerian membina 28 buah sekolah rendah pendidikan khas dan empat buah sekolah menengah pendidikan khas.

Usaha ini termasuk program pendidikan khas integrasi di sekolah harian bagi membolehkan lebih ramai OKU mendapat pendidikan formal. Program



ini meningkat daripada 564 pada tahun 2000 kepada 973 pada tahun lalu atau 72.5 peratus. Tempoh yang sama, lebih ramai pelajar OKU ditempatkan iaitu daripada 10,188 kepada 18,335 orang.

Dalam tempoh 15 tahun lalu, pendidikan teknik dan vokasional mengalami perubahan ketara apabila tahun 1990 hingga 1995, sekolah vokasional bertambah daripada 57 kepada 69 buah.

Selaras dengan perkembangan teknologi semasa, Kementerian memperkenalkan ICT dalam pendidikan meliputi aspek prasarana, pengisian dan latihan guru, termasuk memperkenalkan projek ICT melalui pembekalan komputer sebagai aktiviti utama penyediaan infrastruktur ICT.

Usaha itu termasuk memperkenalkan projek perintis Sekolah Bestari yang menekankan penggunaan ICT sebagai pengupaya pedagogi dan pengurusan sekolah. Ia bermula tahun 1999 hingga 2008 di 88 sekolah.

SchoolNet menjurus kepada penyediaan prasarana jalur lebar bagi capaian internet di semua sekolah dan hasilnya, 9,285 sekolah dirangkaikan dan projek

MySchoolNet yang menekankan kepada pembudayaan internet dalam pembelajaran harian.

Projek makmal pengkomputeran membolehkan 5,037 sekolah dilengkapi 133,000 komputer sehingga tahun lalu. Pada masa yang sama, TV pendidikan tetap diteruskan bagi membantu pembelajaran di sekolah.

Pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris diperkenalkan tahun 2003 dan pengajaran subjek ini dilengkapi kemudahan komputer riba, projektor dan pencetak.

Kementerian akan memperkemas penyediaan bekalan elektrik sekolah luar bandar yang pada masa ini 10.1 peratus masih pada bekalan elektrik 24 jam.

Begitu juga dalam penyediaan bekalan air bersih kepada 1,517 sekolah rendah dan 68 sekolah menengah.

Selain itu, Kementerian juga akan memberi perhatian kepada jurang pencapaian yang melibatkan 68 sekolah rendah dan menengah menumpang sekolah lain, 358 sekolah rendah dan 748 sekolah menengah mengamalkan dua sesi, serta 5,951 sekolah rendah dan 870

PELBAGAI usaha telah dan akan dijalankan untuk memberikan akses pendidikan yang lebih meluas sekaligus merapatkan jurang.

sekolah menengah berusia lebih 30 tahun yang perlu diselenggara.

Masalah lain termasuk kemudahan makmal Sains yang tidak lengkap, penyertaan rendah pelajar dalam sistem persekolahan di peringkat menengah dan murid sekolah rendah yang masih lemah menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira.

Masih wujud murid meninggalkan persekolahan, pencapaian yang masih kurang memuaskan di kalangan pelajar OKU, anak orang Asli dan kaum Penan di Sarawak dan kekurangan guru terlatih dalam subjek kritikal terutama kawasan pedalaman serta terdapat guru kontrak dan tidak terlatih.

Isu-isu lain yang masih wujud ialah kepimpinan sekolah yang masih tidak berfungsi sepenuhnya, keupayaan sekolah yang terhad, persamaan layanan kepada semua sekolah (biarpun keperluan sekolah tertentu berbeza), keselamatan sekolah yang masih belum terjamin, struktur organisasi Kementerian yang masih tidak setara, sistem penyampaian khususnya pemberian bantuan yang belum efisien dan sistem maklumat yang menyeluruh serta tidak bersepadu.

Pada keseluruhannya, sistem pendidikan negara memerlukan perubahan kepada pendekatan yang lebih bertepatan dengan keperluan setempat. Apa yang pasti, jurang pendidikan masih berlaku dan akan dapat dikurangkan dengan penyediaan asas secara bertepatan dan pada masa yang sama, Kementerian perlu merancang untuk melonjak sistem pendidikan ketahap yang lebih tinggi.



■ KEMENTERIAN akan memperbanyakkan bantuan kepada pelajar miskin, berkeperluan khas dan kumpulan minoriti.



■ PENGLIBATAN murid berbilang kaum akan ditingkatkan melalui RIMUP.

Enam teras strategik PIPP melangkah ke hadapan

PELAN Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 yang akan dijadikan garis panduan pembangunan pendidikan negara secara menyeluruh bagi tempoh lima tahun untuk membangunkan sekolah kebangsaan (SK) sebagai aliran perdana tanpa meminggirkan sekolah aliran lain.

Bagi menghasilkan pendidikan berkualiti untuk semua, Kementerian Pelajaran (KPM) telah mengenalpasti dua pendekatan utama iaitu memastikan rakyat mendapat peluang pendidikan yang adil dan saksama sekali gus menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M).

Pendekatan kedua pula ialah memberi perhatian khusus ke atas sekolah yang mencapai tahap cemerlang, bukan sahaja bagi memastikan ia mempertahankan kecemerlangan itu malah mampu meningkatkannya ke tahap yang lebih tinggi.

Sesuai dengan hasrat itu, KPM telah mengenalpasti enam teras strategik bagi memperkukuhkan pendidikan negara dalam tempoh lima tahun sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Teras pertama yang akan dilaksanakan adalah membina negara bangsa melalui pendidikan bertujuan melahirkan warganegara dari awal persekolahan dengan ciri-ciri global, patriotik dan cintakan negara serta menjunjung warisan budaya dan kesenian bangsa.

Hasrat berkenaan akan dicapai dengan memperkasakan bahasa Melayu, meningkatkan disiplin pelajar, menggiatkan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) dan menggiatkan aktiviti kokurikulum dalam sukan.


Pembangunan modal insan merupakan teras kedua di bawah PIPP yang akan memberi tumpuan kepada sistem

nilai, aspek disiplin, sahsiah, akhlak dan jati diri pelajar bagi melahirkan tenaga kerja yang kompeten dalam sains dan teknologi, inovatif, kreatif serta boleh dipasarkan.

Teras ketiga ialah memperkasakan sekolah kebangsaan (rendah dan menengah) agar sekolah-sekolah itu menjadi pilihan rakyat.

Selaras dengan usaha itu, KPM akan melengkapkan SK dengan kemudahan pendidikan yang mencukupi, berkualiti, terkini dan guru terlatih mengikut opsyen serta bilangan staf sokongan mengikut keperluan.

Seterusnya, sebagai teras keempat, KPM akan berusaha merapatkan jurang pendidikan dengan membangunkan infrastruktur dan kemudahan khususnya diluar bandar seperti Sabah dan Sarawak.



■ SEKOLAH kebangsaan akan diperkasa agar ia menjadi pilihan rakyat.

‘Teras pertama yang akan dilaksanakan adalah membina negara bangsa melalui pendidikan bertujuan melahirkan warganegara dari awal persekolahan dengan ciri-ciri global, patriotik dan cintakan negara serta menjunjung warisan budaya dan kesenian bangsa’

Di bawah teras keempat itu juga, KPM akan memperbanyakkan bantuan kepada pelajar miskin, keperluan khas, kumpulan minoriti, mengurangkan jurang digital serta menempatkan guru terlatih.

Teras kelima ialah memartabatkan profesion keguruan bagi memastikan profesion itu dihormati dan dipandang

tinggi sesuai dengan amanah yang dipertanggungjawabkan dalam pembinaan generasi masa depan.

Sebahagian daripada usaha itu ialah menaik taraf maktab perguruan kepada institut pendidikan guru bagi meningkatkan kelayakan guru ke peringkat ijazah.

Manakala teras terakhir di bawah PIPP ialah melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan dengan membentuk bahagian kecemerlangan sekolah berasaskan akademik, kokurikulum dan sukan atau bidang-bidang khusus yang lain.

Sekolah yang terpilih akan dirangkaikan dengan institusi ternama tempatan dan luar negara dengan menawarkan pelbagai peperiksaan peringkat antarabangsa seperti *International Baccalaureate* serta dijadikan sekolah contoh.

PIPP yang dirangka KPM turut mengambil kira jurang dan cabaran yang perlu ditangani bagi memastikan Wawasan 2020 dapat dicapai.

Selaras dengan itu, KPM berhasrat membangunkan modal insan dengan ciri masyarakat bangsa Malaysia, memastikan akses, ekuiti dan kualiti tunjangan agenda pendidikan diteruskan serta merintis dan menerajui perubahan bagi melonjak sistem dan institusi pendidikan ke tahap dunia.

Peruntukan pembangunan pastikan pelan berjalan lancar

SEJUMLAH RM23.198 bilion telah diperuntukkan oleh kerajaan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi memastikan pelaksanaan program pembangunan pendidikan berjalan lancar.

Peruntukkan tersebut disokong peruntukkan belanja mengurus yang diberikan setiap tahun, akan digunakan oleh KPM bagi membiayai 17,179 projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) sebagaimana dirangka dalam PIP dan diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada 2006.

Antara projek utama yang akan dijalankan oleh KPM di bawah RMKe-9 ialah penyediaan prasarana pendidikan rendah dan menengah termasuk pembinaan sekolah baru.

Penyediaan prasarana pendidikan rendah melibatkan kos RM4.1 bilion bagi membina 13,000 bilik darjah tambahan dengan 68 peratus daripadanya terletak di luar bandar.

Ia juga bertujuan menambah bilangan sekolah satu sesi daripada 86 peratus kepada 90 peratus dan mengurangkan saiz kelas daripada 31 murid kepada 30 murid menjelang 2010.

Bagi pendidikan menengah pula, sejumlah RM4.5 bilion diperuntukkan melibatkan program mengurangkan kesesakan bilik darjah, keciciran dan meningkatkan penyertaan pelajar dalam program pendidikan.

KPM akan menyediakan lebih 10,000 bilik darjah dengan 57 peratus daripadanya terletak di luar bandar manakala sekolah satu sesi akan ditambah daripada 65 peratus kepada 70 peratus serta saiz kelas dikurangkan daripada 32 pelajar kepada 30 pelajar menjelang 2010.

Sebanyak RM327.3 juta pula dipe-

runtukkan bagi meluaskan program prasekolah melalui penambahan sejumlah 3,143 kelas di 2,626 sekolah termasuk sekolah pendidikan khas dengan 80 peratus atau 2,436 daripadanya di luar bandar.

Dengan penambahan itu, KPM menjangkakan sebanyak 76,000 kanak-kanak berumur lima tahun ke atas berpeluang mendapat pendidikan menjelang 2010.

Selain itu, kementerian juga berusaha menyediakan lebih banyak pilihan bidang kepada pelajar yang mempunyai kebolehan, minat, bakat dan kecenderungan.


Ia melibatkan pembinaan tiga buah sekolah sukan, dua sekolah menengah teknik, 15 sekolah bantuan penuh dan dua sekolah seni yang merupakan projek rintis.

Kurikulum sekolah juga akan dikemaskini di bawah RMKe-9 agar sesuai dengan tahap perkembangan murid terutama di peringkat rendah.

KPM juga akan menyediakan pilihan lebih banyak kepada pelajar yang kurang berminat dalam bidang akademik dengan memperluaskan penawaran mata pelajaran vokasional (MPV) kepada 22 dan menambah jumlah bengkel sebanyak 480 buah.

Bagi meningkatkan akses pelajar luar bandar dan berpendapatan rendah, KPM akan menyediakan lebih banyak asrama baru dan membaiki asrama lama melalui 21 projek bagi menempatkan 73,440 penghuni.

Melalui usaha pembestarian sekolah, KPM akan menaiktaraf semua sekolah dengan mengambil kira infrastruktur, akses jalur lebar SchoolNet, TV pendidikan, Program PPSMI serta pelbagai inisiatif ICT yang lain.



■ KPM akan menaiktaraf semua sekolah dengan mengambil kira akses jalur lebar SchoolNet, TV pendidikan dan pelbagai inisiatif ICT.

Penambahan kolej matrikulasi sebanyak empat buah akan dibuat bagi menempatkan 12,000 pelajar berdasarkan kepada pertambahan permintaan terhadap program berkenaan yang dianggarkan sekitar 10 peratus setahun.

Pembinaan rumah guru yang baru bagi menggantikan rumah lama dan dari busa diberikan keutamaan terutama bagi sekolah di luar bandar, pedalaman dan bandar besar.


Sepanjang tempoh lima tahun ran-

cangan, sejumlah 4,322 unit rumah guru dilengkapi kemudahan perabot asas akan dibina dengan 80 peratus atau 3,438 daripadanya diluar bandar.

Antara lain, kemudahan di pejabat pelajaran daerah dan negeri akan dipertingkatkan bagi memantapkan lagi tahap kecekapan dan keberkesanan sistem pentadbiran pendidikan, sistem pemantauan, penilaian, kurikulum, pentaksiran, personel, maklumat, komunikasi, penyelidikan, pembangunan, kewangan dan infrastruktur.



■ 13,000 bilik darjah tambahan akan dibina untuk sekolah rendah terutamanya di luar bandar.





■ CABARAN globalisasi menuntut generasi masa hadapan bersedia dari sekarang.

Membina negara bangsa

PEMBINAAN Negara Bangsa bagi sebuah negara berbilang kaum seperti Malaysia adalah amat penting terutama dalam era globalisasi yang membenarkan pengaliran secara bebas dan pantas bukan sahaja maklumat, modal serta manusia tetapi juga sistem nilai, budaya dan kepercayaan dari pelbagai negara.

Keupayaan membina Negara Bangsa bergantung kepada perkongsian nilai serta semangat patriotisme, lingua

franca, integrasi, kewarganegaraan dan demokrasi.

Kementerian Pelajaran (KPM) merasakan aktiviti pendidikan mesti memberi keutamaan kepada usaha memupuk dan mengekalkan semangat perpaduan di kalangan rakyat yang boleh dicapai melalui aktiviti kurikulum, kokurikulum dan sukan.

Cabaran globalisasi dan liberalisasi menuntut perubahan dinamik dalam sistem pendidikan bagi melahirkan



■ SEMANGAT persaingan yang sihat boleh dipupuk dari kecil melalui aktiviti kokurikulum dan sukan.



■ KECINTAAN terhadap seni, warisan dan budaya bangsa serta memupuk kefahaman yang jelas terhadap pendekatan Islam Hadhari dalam membentuk pemikiran kehidupan.

warganegara 'glokal' yang bertindak bijak menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi mengikut acuan *local* atau tempatan.

KPM yang menyokong hasrat mewujudkan bangsa Malaysia, bertanggungjawab memperkukuh perpaduan, membina identiti nasional dan semangat kebangsaan serta membangunkan sumber manusia bersesuaian dengan keperluan negara.

Matlamat KPM di bawah PIPP kini ialah melahirkan pelajar yang memiliki jati diri yang kukuh, patriotik, berpegang teguh kepada ajaran agama dan nilai moral, hidup sebagai sebuah masyarakat penyayang, demokratik, liberal, bertolak ansur, berfikiran dan berbudaya saintifik.

Sehubungan itu, fokus KPM dalam membina Negara Bangsa mencakupi usaha-usaha seperti memperkasakan bahasa kebangsaan sebagai asas perpaduan dan bahasa ilmu serta memantapkan perpaduan dan integrasi nasional.

Fokus lain ialah memupuk kecintaan terhadap seni, warisan dan budaya bangsa serta memupuk kefahaman yang jelas terhadap pendekatan Islam Hadhari dalam membentuk pemikiran kehidupan.

Dalam tempoh PIPP, KPM akan membina Negara Bangsa melalui pendidikan dengan memberi tumpuan kepada beberapa fokus dan strategi pelaksanaan.

Antaranya, menggerakkan gelombang baru gerakan memperkasakan bahasa kebangsaan, memantapkan pelaksanaan Dasar Buku Negara, menyelaras peranan semua pihak terlibat untuk menggiatkan aktiviti kebahasaan, kesusasteraan, pengkaryaan, penterjemahan dan penerbitan serta mewujudkan

bulan bahasa dan sastera negara dalam usaha memperkasakan bahasa kebangsaan.

Sementara itu, bagi memantapkan perpaduan negara dan integrasi nasional, KPM akan berusaha meningkatkan kesedaran dan kefahaman rakyat agar menghormati Perlembagaan Malaysia, meningkatkan semangat patriotik melalui aktiviti kokurikulum dan menanam semangat hormat-menghor-

mati sensitiviti masyarakat pelbagai kaum.

Selain itu, KPM juga akan memberi kefahaman menyeluruh tentang pentingnya semangat kejiwaan ke arah perpaduan dan integrasi nasional serta memperingatkan aktiviti RIMUP.

Kementerian itu juga akan menyusun program bagi memupuk kecintaan terhadap seni, warisan dan budaya melalui membina kurikulum kesenian, mem-

bina sekolah seni, meningkatkan kerjasama dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan serta membudayakan penggunaan tulisan Jawi.

Bagi memupuk kefahaman yang jelas tentang pendekatan Islam Hadhari, KPM akan melaksanakan pelbagai aktiviti untuk bimbingan melalui siri ceramah, seminar dan penerbitan bahan bacaan berkaitan Islam Hadhari.



■ KPM ingin melahirkan pelajar yang memiliki jati diri yang kukuh, patriotik serta berpegang teguh kepada ajaran agama dan nilai moral.

Membangunkan modal insan

DASAR Kementerian Pelajaran adalah membangunkan modal insan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta menghayati nilai-nilai murni.

Matlamat kementerian untuk memupuk semangat menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran kompetensi, menerapkan nilai, moral dan sikap positif serta membina disiplin diri di kalangan pelajar.

Pembangunan modal insan bertujuan memastikan anak bangsa Malaysia mempunyai ilmu pengetahuan serta kepakaran tinggi bagi penyediaan tenaga dalam pelbagai jenis pekerjaan.

Di samping itu, pelajar-pelajar ini akan dilengkapi kemahiran, komunikasi berkesan, kebolehan menggunakan teknologi komunikasi maklumat (ICT) dengan baik, berupaya berfikir secara kreatif dan kritis serta mampu bertindak secara rasional, mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat, mempunyai nilai tinggi serta berupaya menjadi pemimpin berkesan dalam keluarga dan masyarakat.


Bagi mencapai dasar dan matlamat tersebut, fokus pembangunan modal insan kementerian sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RM-Ke-9) adalah:

- Mengadakan lebih banyak pilihan pendidikan kepada ibu bapa dan pelajar.

Kementerian akan meneruskan kewujudan pelbagai jenis sekolah, aliran, mata pelajaran dan bidang pengkhususan.

Peruntukan belanja mengurus akan ditingkatkan bagi sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan.

Sehingga tahun 2005, terdapat 5,761 sekolah kebangsaan (SK), 1,287 sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC), 525 sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT), 36 sekolah rendah agama negeri (SRAN), 42 sekolah rendah agama rakyat (SRAR).



■ KEMENTERIAN akan mengkaji pelaksanaan KBSR dan KBSM yang lebih menekankan kemahiran berfikir aras tinggi.



■ PEMBANGUNAN modal insan bertujuan memastikan anak bangsa Malaysia berupaya menjadi pemimpin yang berkesan dalam keluarga dan masyarakat.

Manakala di peringkat menengah, terdapat 1,823 sekolah menengah kebangsaan (SMK), 54 sekolah berasrama penuh (SBP), 90 sekolah menengah teknik (SMT), 55 sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) dan dua sekolah sukan.

Kesemua sekolah ini merupakan sekolah kerajaan.

Selain sekolah kerajaan, kementerian juga akan meningkatkan peruntukan belanja mengurus sekolah bantuan kerajaan dengan mengkaji keperluan se-

tiap sekolah.

Pendaftaran sekolah agama rakyat (SAR) dan sekolah agama negeri (SAN) di seluruh negara juga akan diteruskan.

Sehingga tahun lalu, sebanyak 1,996 kelas aliran agama (KAA) telah ditawarkan di sekolah menengah kebangsaan (SMK) harian.

Kementerian juga akan memperluas dan memantapkan lagi pelaksanaan mata pelajaran vokasional (MPV) di sekolah-sekolah.

- Meningkatkan keupayaan dan minat pelajar untuk menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran.

Kementerian akan mengkaji pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) yang lebih menekankan kemahiran berfikir aras tinggi.

Selain itu, budaya cintakan ilmu pengetahuan akan dipupuk dengan menggalakkan tabiat membaca melalui program Nilam dan kempen membaca.

Penerbitan dan penterjemahan pelbagai jenis bahan bacaan sama ada dalam bentuk bercetak atau bukan bercetak akan dipergiatkan.

Bagi menjayakan Program Pembastarian Sekolah, infrastruktur serta perkhidmatan yang mencukupi akan disediakan dengan pembinaan pusat akses dan meningkatkan penggunaan komputer, televisyen, cakera video digital (DVD).

Kementerian turut akan menyediakan perisian dan bahan digital seperti perisian sistem dan aplikasi lengkap.

Bagi memastikan kesemua kemudahan ini dapat beroperasi dengan lancar, program latihan dan bimbingan akan diadakan iaitu Latihan Asas Penggunaan Komputer, Latihan Penggunaan Komputer untuk pengajaran dan pembelajaran (P&P), Latihan Penggunaan Perisian Khusus dan Latihan Penggunaan Televisyen Pendidikan (TVP) dalam P&P.

Sistem penyelenggaraan berterusan turut bakal diwujudkan.

Kementerian juga akan memantapkan program latihan dan bimbingan ICT kepada pentadbir sekolah, guru dan pelajar serta menggalakkan perkongsian pintar dengan pihak luar.

88 sekolah di bawah projek rintis sekolah bestari akan dijadikan sebagai penanda aras kepada kejayaan program ini.

Di samping itu peruntukan sebanyak RM80 juta disediakan untuk pembinaan Pusat Latihan Bahasa Inggeris (ELTC) di Nilai, Negeri Sembilan serta RM10 juta bagi memperluaskan Pusat Pengajian dan Latihan Bahasa Inggeris (TELTTraC) di Terengganu.

Kementerian juga akan memperkenalkan beberapa pendekatan pengajaran dan pembelajaran (P&P) baru supaya dapat menarik minat para pe-

lajar seperti program *F1 Technology Challenge* dan Robotik.

● **Memupuk pelajar supaya memiliki kemahiran dan keterampilan.**

Kementerian akan membina kemahiran berkomunikasi merentas kurikulum dan kokurikulum dengan memperbanyak aktiviti literasi dan secara langsung.

Mata pelajaran teknikal akan dijadikan penanda aras kepada Mayer Competences (Aus) dan SCAN (US) untuk melaksanakan kurikulum baru berteraskan kompetensi.

MPV akan diperluas dan dimantap di sekolah-sekolah selain memastikan pelajar menguasai kemahiran ICT.

Bagi membina penampilan diri yang positif, aktiviti bina diri seperti kerja berpasukan dan pembinaan karakter akan diperbanyakkan.

Ceramah, seminar, motivasi dan bengkel berunsur pembangunan insan akan ditingkatkan bagi memupuk pelajar supaya menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni, budi bahasa dan adab.

Kerja amal dalam masyarakat setempat seperti di rumah orang tua dan anak yatim juga akan diperbanyakkan.


Kementerian akan menekankan penghayatan aspek keselamatan, kesihatan dan kebersihan (3K) dalam P&P kokurikulum bagi menekankan aspek penghayatan nilai-nilai murni.

Sepanjang tempoh RMKe-9, kementerian akan memantapkan lagi Program Amalan Kebersihan Sekolah melalui penyelarasan di bawah Jawatankuasa Kabinet Kebersihan dan Kesihatan Nasional.

● **Memantapkan sistem pentaksiran dan penilaian supaya lebih holistik.**

Kementerian akan mengubah penekanan peperiksaan awam daripada berasaskan kandungan kepada kemahiran atau daripada bersifat ujian kepada kebolehan am.

Bilangan mata pelajaran dalam peperiksaan awam juga akan dikurangkan bagi mata pelajaran tertentu.



■ **BAGI membina penampilan diri yang positif, aktiviti bina diri seperti kerja berpasukan dan pembinaan karakter akan diperbanyakkan.**

Sistem penggal akan dikaji semula dan digantikan dengan sistem semester bagi menjadikan suasana persekolahan tidak berorientasikan peperiksaan.

Bagi memantapkan kualiti sistem pentaksiran dan penilaian, standard prestasi kebangsaan bakal diperkenalkan untuk dibandingkan dengan standard negara lain.

● **Memantapkan program kokurikulum dan sukan.**

Budaya bersukan dan kokurikulum akan diterapkan kepada pelajar dengan menyediakan kemudahan serta peralatan sukan yang mencukupi di semua sekolah tidak kira lokasinya.

Dua sekolah sukan sedia ada dan sebuah lagi yang akan dibina dalam RMK-9 bakal dijadikan Pusat Pembangunan Sukan Elit manakala Pusat

Sukan Negeri dan SBP menjadi *feeder*.

Program kejuruan dalam kokurikulum dan sukan serta kejurulatihan akan dimantapkan.

Kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan serta Majlis Sukan Negara untuk melaksanakan program pembangunan sukan lebih menyeluruh di samping mengenal pasti sekolah yang dapat dijadikan Pusat Sukan Daerah dan Negeri.

Bagi meningkatkan semangat patriotik, Rukun Negara akan dipastikan dipelajari dan dihayati dari peringkat awal persekolahan.

Penubuhan Kelab Rukun Negara akan dilaksanakan di sekolah rendah dan menengah.

● **Memperkuh disiplin pelajar.**

Kementerian akan memperhebatkan

Kempen Anti Buli, Kempen Anti Ponteng, kempen meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta Kempen Pencegahan Salah Laku.

Kementerian juga akan mewartakan Peraturan Pendidikan (Disiplin Murid) yang baru dan mencadangkan pindaan terhadap undang-undang kecil di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) berhubung pengeluaran lesen dan penganan syarat-syarat ke atas kafe siber, Akta Polis 1967 (Akta 344) dan Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).

Dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, warden trafik sekolah adakan dilantik untuk membantu memastikan keselamatan pelajar di sekolah.

Program rintis Pendidikan Keselamatan Jalan Raya yang dilancarkan pada 2005 akan dilaksanakan tahun depan di sekolah rendah secara berperingkat kepada pelajar Tahap 1 dengan menerapkannya ke dalam mata pelajaran bahasa Melayu.

Sebanyak 590 jejantas akan dibina bagi sekolah-sekolah yang memerlukan dengan bantuan Kementerian Kerja Raya.

Bagi sekolah-sekolah lain, sistem lampu isyarat dan lintasan pejalan kaki akan dibina.

● **Mempercepat perkhidmatan sistem aduan masalah disiplin dengan mempelbagaikan saluran aduan terus.**

Saluran aduan terus akan dipelbagaikan termasuk talian terus, emel, faks dan khidmat pesanan ringkas (SMS).


● **Memantapkan kurikulum.**

Kementerian akan memperluas pelaksanaan j-QAF kepada murid Islam dan Pendidikan Moral kepada bukan Islam.


Selain itu, Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan akan diperluas pelaksanaan ke Tahap 2 sekolah rendah dan sekolah menengah.

● **Meningkatkan kerjasama Kementerian Pelajaran dengan pelbagai agensi.**

Ini akan dilakukan dengan menjalakan pelbagai aktiviti bagi membangunkan modal insan.



■ **BUDAYA kokurikulum akan diterapkan kepada pelajar dengan menyediakan kemudahan yang secukupnya.**



■ 2,626 kelas prasekolah akan ditambah yang melibatkan penyertaan kanak-kanak berumur lima tahun dan ke atas.

Memperkasakan Sekolah Kebangsaan

KEMENTERIAN Pelajaran memperuntukkan sebanyak RM100 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) untuk pembangunan sekolah kebangsaan (SK), sekolah agama bantuan kerajaan (SABK), sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) dan sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT).

Dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), tumpuan memperkasakan SK akan diberikan kepada sekolah rendah.

Ini kerana sekolah ini mempunyai peranan penting sebagai tapak untuk menyemai serta memupuk perpaduan di antara kaum dari peringkat awal persekolahan.

Bagi meningkatkan kecemerlangan SK, beberapa strategi pelaksanaan telah disusun dalam PIPP.

Kementerian akan menambah 2,626 kelas prasekolah yang melibatkan penyertaan kanak-kanak berumur lima tahun dan ke atas.

Sebanyak 80 peratus daripada kelas ini terletak di luar bandar.

Kelas ini akan menggunakan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan sebagai persediaan kepada kanak-kanak untuk memasuki alam persekolahan.

Sebanyak 100 kelas prasekolah pendidikan khas juga adakan diwujudkan.

Bagi memantapkan kepimpinan guru besar dan kualiti guru, latihan mencukupi akan disediakan dan kriteria pemilihan calon pengetua atau guru

besar dimantapkan.

Bagi meningkatkan kualiti guru, kementerian akan memastikan calon yang mempunyai watak pendidik selain terlatih.

Bilangan guru pelbagai kaum juga akan ditambah selain memperluas program pensiswazahan guru besar.

SK yang berbudaya cemerlang, akan diwujudkan dengan membangunkan iklim yang kondusif.

Bagi menjayakannya, masalah disip-

CIRI-CIRI SK PERKASA



■ SEKOLAH rendah mempunyai peranan penting sebagai tapak untuk menyemai serta memupuk perpaduan dari peringkat awal.

lin akan diminimumkan dengan mewujudkan Jawatankuasa Bertindak di peringkat sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan kementerian sendiri.

Kementerian akan memastikan semua murid Tahap 1 menguasai 3M selain memperluaskan j-QAF.

Kurikulum pendidikan khas bagi murid bermasalah pembelajaran turut akan dimantapkan.

Selain itu, kementerian akan memperkenalkan program untuk pelajar pintar cerdas dan berbakat.

Turut diperkenalkan adalah bahasa antarabangsa di satu sekolah di setiap daerah.

Bagi menambah baik aktiviti kokurikulum dan sukan, Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan akan dipertingkatkan.

Sistem sokongan turut diberikan perhatian dalam PIPP dengan menetapkan permuafakatan di antara warga sekolah, keluarga dan komuniti.

Selain itu, perkhidmatan pembantu murid di sekolah pendidikan khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi akan diperluaskan.

Turut dibekalkan adalah guru beredar bagi Program Pendidikan Khas, Pendidikan Muzik, bahasa Cina, bahasa Tamil dan bahasa-bahasa antarabangsa.


Untuk meningkatkan prestasi akademik SK, kementerian akan memastikan mereka melepasi standard minimum pencapaian Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Program latihan guru untuk kelas bercantum, kelas pemulihan khas dan kelas pendidikan khas turut akan diperluas.

Semua murid akan dipastikan tidak tercicir daripada sistem persekolahan.

Kementerian akan menyediakan in-

PERATUS SEKOLAH RENDAH MENGIKUT LOKASI DAN JENIS SEKOLAH, 2005



frastruktur serta kemudahan asas mencukupi dan berkualiti dengan pelbagai kelengkapan selain menaiktaraf sekolah lama dan kurang selamat.

Selain itu, bilangan sekolah satu sesi bagi sekolah rendah dan menengah akan ditambah dengan menambah bilangan bilik darjah.

Dalam negara yang berbilang kaum ini, SK merupakan wahana terbaik bagi memupuk perpaduan sejak dari peringkat awal persekolahan kanak-kanak.

SK perlu mencerminkan budaya Malaysia, menunjukkan pencapaian cemer-



PROGRAM pendidikan berasaskan pelanggan akan menarik minat ibu bapa dan pelajar pelbagai latar belakang, kaum serta agama.

lang dari segi akademik, kokurikulum serta pembangunan sahsiah dan mempunyai persekitaran yang kondusif.


Selain itu, budaya kerja positif dan

mampu menawarkan program pendidikan berasaskan pelanggan bagi menarik minat ibu bapa dan pelajar dari pelbagai latar belakang, kaum serta agama.



SEMUA murid akan dipastikan tidak tercicir daripada sistem persekolahan.

PERATUS GURU MENGIKUT KELAYAKAN, 2005



Merapatkan jurang pendidikan di luar bandar

Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) (2006-2010) bakal merapatkan jurang pendidikan antara lokasi dengan membangunkan infrastruktur dan kemudahan pendidikan luar bandar di seluruh negara.

Selain itu, ia turut memfokuskan peningkatan kadar penyertaan dan mengurangkan risiko keciciran pelajar.

Sehubungan itu, dalam tempoh PIPP ini, program membangunkan infrastruktur dan kemudahan asas akan ditumpukan kepada penyediaan bekalan elektrik selama 24 jam termasuk membekal genset berkapasiti 30 hingga 35 KVa ke sekolah pedalaman, merintis penggunaan *solar hybrid* dan merintis penggunaan empangan mini serta penyediaan bekalan air ke sekolah.

Penumpuan akan diberi kepada sekolah-sekolah di pedalaman Sabah dan Sarawak.

Selain itu, bagi menambah baik sekolah kurang murid (SKM) yang kini berjumlah 2,261 buah mengikut statistik tahun 2005, kementerian akan menilai pelaksanaan Sekolah Pusat bagi tujuan peluasan.

Sementara itu, bagi menangani norma perjawatan guru sedia ada yang tidak bersesuaian dengan keperluan SKM seperti ketiadaan perjawatan guru pemulihan, kementerian akan mewujudkan norma baru serta mengkaji pemberian geran per kapita.

KPM turut memfokuskan untuk me-

ngurangkan jurang pencapaian akademik dengan menambah bilangan komputer, TV Pendidikan, *video teleconferencing*, SchoolNet, makmal komputer, kemudahan perkakasan, pengisian dan tenaga kerja.

Perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menuntut kementerian mengurangkan jurang digital yang wujud di kalangan murid dan guru luar bandar.

Justeru itu, kementerian akan menyediakan makmal komputer, pusat akses, menambah bilangan komputer dan merangkaikan semua sekolah dengan SchoolNet berjalur lebar.

Selain itu, KPM juga akan membesarkan sekolah luar bandar, menambah baik TV Pendidikan dan merintis penggunaan *video teleconferencing*.


Setakat ini kadar penyertaan pelajar dalam sistem pendidikan adalah sebanyak 96 peratus bagi sekolah rendah, 84.4 peratus bagi sekolah menengah rendah dan 71.7 peratus bagi sekolah menengah atas.

Cabaran kementerian adalah untuk meningkatkan kadar penyertaan di sekolah rendah dan menengah khususnya di kalangan Orang Asli dan minoriti.

Sehubungan itu, beberapa langkah telah dikenalpasti iaitu meningkatkan penguasaan 3M (Membaca, Menulis dan Mengira).

Bagi menjayakan penguasaan 3M ini, kementerian akan memperluaskan

PERATUS SEKOLAH KURANG MURID MENGIKUT BILANGAN MURID



Program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) untuk Tahun 1, menambah baik Program Pemulihan Khas Tahap 1, menggiatkan Program Gerak Gempur dan memperkenalkan program khusus Orang Asli dan suku minoriti.

Dalam pada itu, bagi mengurangkan kadar keciciran di sekolah rendah dan menengah, kementerian akan menguatkuasakan Pendidikan Wajib, memperluaskan Pendidikan Vokasional di sekolah menengah harian dan memperbanyak program motivasi serta menjalinkan permuafakatan antara warga sekolah, keluarga dan komuniti.

Selain itu, KPM juga akan memperkenalkan pentaksiran dan penilaian yang sesuai, menyediakan sistem penyampaian alternatif berorientasikan *emotional quotient* (EQ) dan kebolehan murid serta mempereratkan kerjasama dengan pihak luar kementerian dalam mengenalpasti punca dan cara mengatasi keciciran.

KPM turut memantapkan program pendidikan bagi pelajar kurang upaya iaitu dengan membuka kelas khas bagi murid autisme dan *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD) serta yang mempunyai kecacatan.

Begitu juga tumpuan juga diberi kepada memantapkan program pendid-

ikan khas inklusif, menghasilkan kaedah penilaian yang diiktirafkan dan menyediakan perkhidmatan pendidikan khas kepada kanak-kanak dari umur satu hari di pusat perkhidmatan.

Kementerian turut akan meminda Peraturan-Peraturan Pendidikan Khas 1997 untuk menerima pelajar dua kecacatan dan memantapkan instrumen saringan untuk mengenal pasti murid berkeperluan khas.

Untuk menangani masalah kemudahan pengangkutan, kementerian akan menyediakan kemudahan tersebut dan bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Sumber Manusia.

KPM turut memfokuskan penyediaan bagi pelajar mengikut keperluan seperti mewujudkan Sekolah Seni serta merintis program khusus bagi pelajar pintar dan berbakat.

Bagi mengadakan program pendidikan untuk kanak-kanak yang direman, kerjasama antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri akan diadakan begitu juga dengan pelajar yang kini berada di Pusat Pemulihan Komuniti.

BILANGAN SEKOLAH RENDAH YANG KEKURANGAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN ASAS

767	● Tiada bekalan elektrik 24jam
1517	● Tiada bekalan air bersih
858	● Sekolah dua sesi
2630	● Makmal Komputer
1639	● Bilik / Makmal sains
42	● Menumpang sekolah lain

BILANGAN SEKOLAH MENENGAH YANG KEKURANGAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN ASAS

28	● Tiada bekalan elektrik 24jam
68	● Tiada bekalan air bersih
748	● Sekolah dua sesi
138	● Makmal Komputer
25	● Bilik / Makmal sains
26	● Menumpang sekolah lain



■ GURU terlatih mengikut opsyen akan ditempatkan di semua sekolah di kawasan luar bandar dan pedalaman bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar.

Guru baru wajib berkhidmat di pedalaman

GURU-GURU yang baru menamatkan pengajian perguruan dari maktab atau institusi pengajian tinggi akan diwajibkan berkhidmat di kawasan pedalaman dahulu tanpa sebarang pengecualian.

Syarat baru ini telah termaktub di dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) bagi tahun 2006 hingga 2010 yang akan digunapakai untuk memperkemaskan pelaksanaan program-program pendidikan serta memantapkan lagi proses pembinaan modal insan secara menyeluruh.

Setakat ini, negara mempunyai seramai 190,336 orang guru di sekolah rendah dan 136,598 orang sekolah menengah.

Daripada jumlah ini, 15,444 guru di sekolah rendah dan 2,895 guru sekolah menengah ialah Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSITT), guru dalam latihan dan guru sambilan atau sementara.

Sebelum ini, KPM menghadapi kesukaran menempatkan guru-guru terlatih dan berpengalaman, terutamanya bagi mata pelajaran kritikal di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Begitu juga bagi memastikan guru terlatih mengikut opsyen ditempatkan di semua sekolah di kawasan luar bandar dan pedalaman bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar dan berkesan.

Sehubungan itu dengan mewajibkan guru-guru yang baru di pedalaman dijangka boleh mengatasi masalah tersebut.

Lebih menarik lagi kementerian telah memutuskan akan menambah baik insentif dan mewujudkan skim asurans khusus kepada guru yang berkhidmat

“ Setakat ini, negara mempunyai seramai 190,336 orang guru di sekolah rendah dan 136,598 orang sekolah menengah ”

di pedalaman selain menyediakan rumah guru dan kemudahan asas yang sempurna.

PIPP kenalpasti ramai lagi penerima bantuan

KEMENTERIAN Pelajaran (KPM) bercadang untuk mengenalpasti lebih ramai pelajar dari keluarga miskin dan golongan kurang upaya bagi menerima program bantuan yang dilaksanakan.

Sehubungan itu, melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) untuk tahun 2006 hingga 2010, kementerian bercadang untuk memantapkan lagi Sistem Maklumat Murid (SMM) bagi mendapat pengetahuan kesahihan pelajar yang layak diberi bantuan.

Selain itu, KPM akan mewujudkan Majlis Tindakan Pendidikan Daerah (MTPD) dan mengukuhkan kerjasama antara sekolah, sektor awam dan swasta dalam mengenalpasti lebih ramai kumpulan sasaran.

Antara program bantuan yang telah dilaksanakan oleh KPM pada tahun 2006 ialah Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dengan peruntukan sebanyak


RM183.2 juta dan Program Susu Sekolah (RM21.8 juta), Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (RM200 juta), Bantuan Makanan Asrama (RM531.6 juta) dan Bantuan Perjalanan dan Pengangkutan Murid (RM7.4 juta).

Program lain ialah bantuan jaket keselamatan, elaun bulanan pelajar kurang upaya (RM6.8 juta), Skim Pinjaman Buku Teks (RM160.4 juta), Skim Baucar Tuisyen (RM181.9 juta), Biasiswa Kecil Persekutuan dan Biasiswa Kelas Persediaan Universiti (RM200 juta) dan Asrama Harian (RM2.8 juta).

Jumlah keseluruhan yang diperuntukan untuk program bantuan tersebut ialah RM1.5 bilion.

Bagi memastikan bantuan itu sampai ke sasaran, maka kementerian akan sentiasa memantau dan menilai impak pelaksanaan program bantuan secara berterusan.

PERUNTUKAN BANTUAN	
Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin	RM200 juta
Biasisiwa	RM200 juta
Skim Pinjaman Buku Teks	RM160.4 juta
Elaun Orang Kurang Upaya	RM6.8 juta
Rancangan Makanan Tambahan	RM183.2 juta
Program Susu Sekolah	RM21.8 juta
Skim Baucar Tuisyen	RM181.9 juta
Pelajar Miskin Sekolah Berasrama Penuh	RM2.8 juta
Bantuan Pengangkutan	RM7.4 juta
Bantuan Makanan	RM531.6 juta
Bantuan jaket keselamatan	RM2 juta
JUMLAH	RM1.5 Bilion



■ PENGETUA cemerlang sesi 2005 bersama-sama Hishamuddin Tun Hussein.

Kurikulum IPG digubal

KEMENTERIAN Pelajaran Malaysia (KPM) akan menggubal kurikulum Institut Pendidikan Guru (IPG) secara berpusat bagi memberi penekanan kepada elemen baru dalam kurikulum pendidikan guru.

Penggubalan kurikulum yang terdapat dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) untuk tahun 2006 hingga 2010 dijangka memberi fokus kepada membangunkan infrastruktur yang meliputi Pusat Maklumat Latihan Keguruan, Sistem Penyaluran, Rangkaian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Portal Pendidikan Guru dan *Total Campus Management System*.

Ia juga bakal memantapkan profesionalisme keguruan dengan memberi latihan dalam aspek pedagogi, koku-rikulum, ICT, penyelidikan dan *pastoral care*.

Reka bentuk kurikulum ini turut memberi penekanan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menjadikan penyelidikan sebagai budaya kerja pendidik guru.

Selain itu, KPM juga akan memperkasakan peranan Institut Aminuddin Baki (IAB) untuk kursus dalam perkhidmatan bagi membina sumber tenaga pengurusan dan kepimpinan pendidikan yang terbaik dan meningkatkan profesionalisme guru.

Bagi meningkatkan kelayakan tenaga pengajar IPG pula, satu Program Peningkatan Akademik Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang dijalankan secara sepenuh masa, Program Jarak Jauh (PJJ) dan gabungan PJJ dan sepenuh masa.

Sementara itu, dalam usaha meningkatkan jumlah guru siswazah dan menyediakan guru yang berkualiti, peranan IPG telah dikembangkan untuk

melatih guru pada peringkat ijazah berbanding dengan hanya pada peringkat sijil dan diploma.

Institut Pendidikan Guru memainkan peranan penting dalam menyediakan latihan pra dan dalam perkhidmatan.

Kini, terdapat 27 IPG seluruh negara dengan bilangan pensyarah 2,129 orang dan enrolmen 28,755.

Kementerian Pelajaran Malaysia berhasrat bukan sahaja melahirkan guru yang berkualiti, tetapi juga memastikan mereka yang berkualiti kekal dalam sistem pendidikan negara dan kekal



■ GURU berkualiti dapat menarik murid-murid belajar bersungguh-sungguh dan ceria.

berkualiti di sepanjang tempoh perkhidmatan.

Justeru itu, syarat-syarat pengambilan calon guru diperketatkan bagi memastikan kementerian mendapat hanya calon guru yang berkualiti dalam profesion keguruan.


Antara ujian yang perlu diambil oleh calon guru ialah Ujian Pemilihan Calon Guru Malaysia, temuduga individu dan berkumpulan serta ujian bertulis Bahasa Inggeris.

Selain itu, terdapat syarat tambahan iaitu Kursus Perguruan Lapangan Ijazah (KPLI) yang ber-


sesuaian dengan keperluan opsyen.

Proses pemilihan Guru Siswazah Sandaran Terlatih dibuat melalui iklan dan tapisan yang rapi.


Sementara itu, proses perantukan dan pengesahan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) juga diadakan bagi memastikan setiap guru mencapai standard minimum.



■ HANYA guru yang berkualiti mempunyai kesungguhan mengajar. – Gambar hiasan.



■ GURU tugas khas diperlukan untuk mendidik murid berkeperluan khas.



■ PROGRAM robotik memerlukan guru tugas khas.

Elaun

Guru tugas khas terima habuan

GURU tugas-tugas khas bakal menikmati elaun baru apabila Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) untuk tahun 2006 hingga 2010 dilaksanakan sepenuhnya.

Selain itu, gred kenaikan pangkat kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) atau Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) akan diwujudkan dan laluan pantas untuk kenaikan gred DG berasaskan merit dan prestasi dijangka turut dilaksanakan.

Selain itu, kementerian akan memperkenalkan dasar baru iaitu mempercepatkan kenaikan pangkat pegawai di kementerian dan JPN dengan mengemukakan seseorang hanya boleh memegang jawatan hakiki dalam tempoh dua tahun sahaja.

PIPP juga memberi khabar gembira untuk guru besar iaitu gred baru Guru Besar Cemerlang DG41 akan diwujudkan.

Sementara itu bagi menangani aduan dan rungutan para guru yang menyatakan bahawa mereka terpaksa melakukan kerja-kerja perkeranian, maka KPM akan mewujudkan tambahan jawatan kumpulan sokongan bagi membantu guru.

Kerajaan juga sentiasa berusaha agar keperluan dan kemudahan guru dipenuhi. Bagi memastikan keselesaan ketika menjalankan tugas, persekitaran kerja dipertingkatkan supaya lebih kondusif.

KPM akan menyediakan kemudahan bilik guru dan bilik darjah yang kondusif untuk meningkatkan kualiti kerja dan pengajaran dan pembelajaran (P&P) melalui naik taraf, bangunan tambahan dan pembinaan baru.

Kesanggupan dan pengorbanan guru untuk mendidik anak luar bandar perlu

diberi pengiktirafan dan sokongan.

Kemudahan tempat tinggal terutama di kawasan pedalaman dan bandar besar akan disediakan secukupnya.

Di samping itu, peranan Yayasan Guru Malaysia akan diperkasakan untuk meningkatkan inisiatif menjaga dan memelihara kepentingan dan kebajikan guru.

KPM juga akan memansuhkan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) dan

memantapkan pelaksanaan Simpanan Guru.

Sementara itu, kementerian merancang untuk menempatkan guru mengikut opsyen dan keperluan dengan menyediakan data dan unjuran bilangan guru yang tidak mencukupi mengikut lokasi.

KPM juga sentiasa mengkaji keperluan kemudahan insurans bagi gu-

ru-guru yang berkhidmat di kawasan pedalaman.

Dalam pada itu, pengurusan sumber manusia akan dimantapkan dengan mewujudkan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi (IPT) mengenai latihan guru, menambah baik sistem maklumat guru dan mewajibkan guru baru berkhidmat di kawasan pedala-



■ KERAJAAN akan mewujudkan tambahan jawatan kumpulan sokongan bagi membantu guru.

Melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan

BAGI melonjakkan lagi kecemerlangan institusi pendidikan dalam sistem pendidikan negara, dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah untuk mengadakan pendekatan, piala dan penanda aras yang lebih tepat serta bersesuaian dengan ciri dan keperluan kluster institusi pendidikan yang ada. Iaitu mengikut bidang khusus (*niche areas*) masing-masing.

Hal ini kerana pada masa ini terdapat pelbagai pilihan jenis sekolah dalam sistem pendidikan negara. Iaitu pada peringkat rendah terdapat Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

Sementara di peringkat menengah terdapat Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Teknik (SMT), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Model Khas dan Sekolah Menengah Kebangsaan Harian (termasuk Sekolah Premier, Sekolah Seratus Tahun dan Sekolah Bestari di Putrajaya dan Cyberjaya).

Terdapat juga Sekolah Pendidikan Khas Rendah dan Menengah dan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV), Kolej Matrikulasi dan Institut Pendidikan Guru (IPG).

Maka matlamat KPM, adalah untuk membangunkan institusi-institusi model yang dapat dicontohi oleh institusi-institusi dalam kelompok yang sa-



■ **KERAJAAN** sentiasa mengiktiraf pencapaian pelajar cemerlang.

ma. Institusi ini juga diharapkan dapat dijadikan *showcase* pada peringkat antarabangsa sebagai bukti keupayaan sistem pendidikan negara dan seterusnya membantu usaha untuk menjadikan Malaysia Pusat Kecemerlangan Pendidikan.

Namun KPM menyedari dalam klus-

ter yang berbeza ini selain pencapaian akademik terdapat sekolah yang mempunyai pencapaian cemerlang dalam pelbagai bidang.

Bagi institusi yang cemerlang, KPM bersedia untuk menggunakan pendekatan yang segar, berbeza, dan lebih fleksibel agar mereka boleh menjadi

lebih cemerlang dan menjadi contoh kepada institusi lain dalam kelompok yang sama.

Dalam pada itu juga, KPM akan mengenali pasti sekolah swasta dan sekolah antarabangsa yang cemerlang untuk dipromosikan bagi meningkatkan daya saing pendidikan di rantau Asia.



■ **INSTITUSI** pendidikan yang cemerlang dan menyerlah dalam kluster tertentu akan dipilih mengikut Elemen Utama dan Elemen Sokongan untuk dijadikan institusi contoh.

6 Pada masa ini, negara mempunyai 32 buah sekolah antarabangsa dan seramai 8,055 anak warga asing sebagai pelajarnya. Sedangkan Thailand mempunyai 91 buah sekolah antarabangsa manakala Indonesia juga mempunyai jumlah yang tinggi, iaitu 82 buah sekolah 9

Ini perlu untuk menarik minat warga asing dan pelabur asing, mengurangkan aliran keluar mata wang dan mengelakkan *brain drain* di kalangan rakyat negara ini.

Pada masa ini, negara mempunyai 32 buah sekolah antarabangsa dan seramai 8,055 anak warga asing sebagai pelajarnya. Sedangkan Thailand mempunyai 91 buah sekolah antarabangsa manakala Indonesia juga mempunyai jumlah yang tinggi, iaitu 82 buah sekolah.

Bagi memastikan tujuan dan matlamat untuk meningkatkan kecemerlangan institusi pendidikan ini dapat dicapai terutama pada tahun ini, beberapa fokus dan strategi tertentu telah diatur oleh KPM.

Sebanyak 300 buah institusi pendidikan yang menyerlah dan cemerlang dalam kluster institusi pendidikan tertentu akan dikenal pasti dan dipilih mengikut 1) Elemen Utama dan 2) Elemen Sokongan.

Elemen Utama itu berdasarkan pencapaian;

- Kurikulum iaitu pencapaian purata dalam peperiksaan awam sekurang-kurangnya tiga tahun berturut-turut, gred purata sekolah, bilangan pelajar mendapat A serta mempunyai sejarah kecemerlangan dalam mata pelajaran tertentu.

- Kokurikulum berdasarkan pencapaian kokurikulum pada peringkat daerah, kebangsaan dan luar negara serta anugerah-anugerah khas yang lain.

Elemen Sokongan, antaranya termasuklah;

- Pengurusan dan pentadbiran sekolah berdasarkan kecekapan dan menguruskan sekolah, pelajar, sumber tenaga manusia, kemudahan asas, penambahbaikan berterusan serta mempunyai perancangan yang komprehensif dan sistematik.

- Ketrampilan guru berdasarkan guru-guru siswazah dan bukan siswazah, guru yang menerima anugerah, guru khas dan guru pakar.

- Pengurusan kewangan yang memanfaatkan sumber kewangan dengan kaedah pengurusan yang berkesan berdasarkan perancangan, penyelenggaraan dan analisis yang cekap, amanah serta berhemah.

- Penglibatan ibu bapa dan

masyarakat setempat berdasarkan program sokongan yang dilaksanakan oleh pihak luar seperti Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan masyarakat setempat.

Sekolah-sekolah yang terpilih ini akan mencadangkan satu bidang khusus yang ingin dibangunkan atau pendekatan yang ingin diperkenalkan untuk melonjakkan kekuatan yang ada pada sekolah tersebut. Antara yang dikenal pasti, bidang kurikulum dan kokurikulum.

Bagi sekolah yang terpilih, fokus akan diberikan terhadap perkara-perkara berikut;

- Pemilihan guru dan jurulatih berkebolehan dan berkemahiran tinggi,

- Memberi lebih autonomi kepada sekolah, antaranya dalam pemilihan pelajar iaitu sekolah diberi kebebasan memilih 10 peratus daripada jumlah kemasukan pelajarnya yang bersesuaian dengan bidang khusus yang dipilih termasuk pelajar yang ditaja,

- Penawaran kurikulum yang selaras dengan bidang khusus termasuk yang luar di luar sistem kebangsaan seperti O-Level, A-Level dan General Certificate Of Secondary Education (GCSE).

- Melibatkan pelajar, guru dan sekolah dalam pertandingan kokurikulum pada peringkat antarabangsa dengan meningkatkan jalinan kerjasama antara sekolah-sekolah cemerlang di dalam dan luar negara dan penglibatan yang lebih aktif dalam badan-badan pendidikan dunia seperti UNESCO, OECD dan IEA.

- Merintis perubahan dan pembaharuan, termasuk memperkenalkan program alternatif untuk kemasukan ke institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) seperti International Baccalaureate dan Peperiksaan *Standard Admission Test* (SAT).

Secara kesimpulannya, hala tuju pendidikan negara memerlukan satu perancangan yang sistematik untuk menjana kecemerlangan pendidikan. Penjana kluster ini bermatlamat untuk mengembangkan potensi dan kualiti kluster sekolah tertentu supaya menjadi penanda aras kepada sekolah lain dan setanding dengan sekolah di negara maju.



SEKOLAH kluster boleh melahirkan pelajar yang cemerlang serba serbi. – Gambar hiasan.



LEPASAN sekolah yang berkualiti akan melahirkan graduan kelas pertama. – Gambar hiasan.



PENGLIBATAN yang cemerlang dalam kokurikulum membantu pelajar semasa permohonan ke universiti. – Gambar hiasan.



■ KERAJAAN akan memberi perhatian khusus untuk melonjakkan tahap pendidikan di luar bandar.

Faktor kritikal penentu kejayaan



■ PIPP akan memastikan segala yang telah dirancang akan berjaya melahirkan insan-insan yang cemerlang dan terbilang.

SEMUA pihak mesti menyedari bahawa pendidikan bukan agenda negara yang boleh dijayakan secara bersendirian. Ia merupakan bidang yang melibatkan dan memerlukan komitmen semua pihak berkepentingan (*stakeholders*).

Ini kerana KPM menyedari isu pendidikan adalah kompleks dan kadang kala berada di luar bidang kuasa kepakaran KPM untuk menyelesaikannya. Justeru, semua pihak sewajarnya menyedari dan menerima hakikat bahawa agenda pendidikan perlu dijayakan bersama.

Penglibatan komitmen dan kerjasama pelbagai pihak amat penting bagi memastikan semua maklumat, aliran komunikasi, sumber tenaga dan kepakaran dapat digembeng dan diurus dengan cekap dan berkesan dalam menjayakan agenda pendidikan.

Justeru, KPM sentiasa bersikap terbuka terhadap cadangan dan saranan yang dikemukakan oleh pihak luar.

Selari dengan itu juga, KPM juga bertujuan untuk mengurangkan kerenah birokrasi dengan memperbaiki prosedur, mekanisme dan proses pelaksanaan projek dan program pendidikan.

Matlamat dasar KPM ini bagi memastikan semua projek dan program pendidikan dapat dilaksanakan secara telus, cekap dan berkesan, tanpa pertindihan dan pembaziran serta dapat dinikmati oleh golongan sasaran tepat pada waktu yang ditetapkan.

PIPP turut memberikan tumpuan pendidikan sebagai Projek Berimpak Tinggi (*High Impact Project - HIPs*) dan ini memberikan lonjakan perdana terutamanya kepada pendidikan luar bandar.

Buat pertama kalinya, kerajaan telah memberi perhatian khusus kepada usaha melonjakkan pendidikan luar bandar bagi merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar supaya semua sekolah dan pelajar mempunyai peluang dan keupayaan untuk cemerlang.

Oleh itu, melalui kerjasama dengan pelbagai pihak berkuasa yang lain, KPM akan melaksanakan projek-projek berimpak tinggi dalam tem-



■ **KECEMERLANGAN** para pelajar menjadi faktor penting dalam memimpin negara di era globalisasi.



■ **Kejayaan akademik dan kokurikulum** harus seiring dalam pembangunan modal insan yang terbaik.

“Buat pertama kalinya, kerajaan telah memberi perhatian khusus kepada usaha melonjakkan pendidikan luar bandar bagi merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar supaya semua sekolah dan pelajar mempunyai peluang dan keupayaan untuk cemerlang”

poh tiga tahun pertama RmKe-9 untuk mengurangkan jurang pendidikan ini.

Projek berimpak tinggi ini meliputi aspek infrastruktur, peralatan, guru, kurikulum dan program bantuan serta khidmat sokongan, iaitu:

- Memperluaskan program pendidikan prasekolah KPM dengan menyediakan lebih 2,400 kelas prasekolah di luar bandar bagi hampir 61,000 kanak-kanak berumur 5 - 6 tahun termasuk menyediakan latihan guru prasekolah dan kemudahan kompu-

ter serta perisian.

- Memperbaiki penyediaan kemudahan asas seperti bekalan elektrik 24 jam bagi 900 sekolah dan bekalan air bersih bagi 300 sekolah.

- Mempertingkatkan kelas pemulihan di luar bandar sebanyak 5,000 kelas bagi memperkukuh penguasaan kemahiran 3M.

- Menyediakan tambahan bagi peruntukan Rancangan Makanan Tambahan untuk keperluan 550,000 murid luar bandar, dan

- Menyediakan insentif bagi guru yang berkhidmat di kawasan luar bandar seperti elaun khas

mengikut lokasi dan tahap kesukaran, elaun balik kampung, insuran guru dan penyediaan serta penambahbaikan rumah guru dan bekalan guru.

Kesemua projek-projek ini dijangka mempunyai impak yang besar meliputi antaranya:

- Murid Tahap 1 yang dapat menguasai 3M meningkat daripada 92.3 peratus kepada 95.0 peratus.

- Murid yang perlu pemulihan berkurangan daripada 7.7 peratus kepada kurang 5.0 peratus.

- Taraf kesihatan murid luar bandar bertambah baik dan ketidakhadiran murid berkurangan, dan

- Guru berkualiti dan berpengalaman lebih bersedia berkhidmat di pedalaman.


Sehubungan ini, KPM akan berusaha memantapkan mekanisme pemantauan pada semua peringkat bagi menjayakan PIPP, melalui:

- 1) Penubuhan Jawatankuasa Khas Pemantauan PIPP yang dipengerusikan oleh Menteri Pelajaran.

- 2) Penubuhan Jawatankuasa Kerja pada peringkat KPM yang dipengerusikan Ketua Setiausaha, dan

- 3) Penubuhan Jawatankuasa kerja pada peringkat negeri yang dipengerusikan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri.

Akhir sekali, bagi memastikan tahap komitmen dan kualiti kerja yang tinggi dikekalkan, KPM akan berusaha untuk mempertingkatkan aspek-aspek kebajikan warga KPM dan menyediakan persekitaran kerja yang kondusif termasuk menaik taraf dan memperbaiki pejabat guru besar dan pengetua, pejabat guru dan rumah guru, bangunan dan pejabat.



■ **Sistem persekolahan akan dimantapkan** agar tidak terlalu berorientasikan peperiksaan.